



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

**BULLETIN HEP**  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Edisi 1/2006

## KUTKM MUNCUL JUARA PERTANDINGAN DEBAT LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA



Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia sekali lagi melakar sejarah manis di tahun 2006 ini apabila dinobatkan sebagai Johan Debat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan mengalahkan pasukan debat Universiti Malaya. Kejayaan ini disusuli dengan pengiktirafan pendebat terbaik kepada salah seorang pendebat KUTKM iaitu Ashabul Yamin bin Mustakim.

Pertandingan yang dianjurkan bersama di antara Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan LLM bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Lebuhraya, Malaysia, Kajang Selangor sempena Jubli Perak 25 tahun LLM. Tajuk yang didebatkan ialah Lebuhraya Pemangkin Pembangunan Negara (bertindak sebagai kerajaan).

Sebelum melangkah ke peringkat akhir, pasukan KUTKM telah bertemu dengan pendebat daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat suku akhir dan seterusnya mengorak langkah bertemu

Universiti Malaysia Sabah di peringkat separuh akhir. Dengan kecekalan dan keyakinan beroleh kejayaan akhirnya juara debat menjadi milik KUTKM.

Dengan kejayaan ini telah membolehkan pasukan Debat (KUTKM) membawa pulang wang tunai RM 6000.00 dan piala pusingan. Semasa pertandingan akhir ini juga pendebat KUTKM iaitu Saudara Ashabul Yamin bin Mustakim telah dipilih juri sebagai Pendebat Terbaik dan memenangi wang tunai RM 500.00 serta piala irungan.

Seluruh warga HEP dan KUTKM mengucapkan tahniah di atas kejayaan Pasukan Debat KUTKM yang diberisi oleh Awang Mu'awaludin bin Ahat, Ashabul Yamin bin Mustakim, Wan Zateel Aqmaer bte Wan Abd. Halim dan Khalid Husseine bin Tuah. Diharap kejayaan ini dapat diteruskan oleh barisan-barisan pendebat KUTKM yang lain seterusnya mengharumkan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.



## KONVENTSYEN KEUSAHAWANAN SISWA IPTA & KARNIawan NASIONAL 2005

Pasukan KUTKM telah berjaya mendapat tempat ke-2 bagi Pertandingan Simulasi Perniagaan di Konvensyen Keusahawanan Siswa IPTA dan Karniawan Nasional 2005 yang telah diadakan di UiTM, Shah Alam dan Dataran S

ada 12 hingga 14 Disember 2005. Dihimpunkan oleh YB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri

LB  
3602  
.B84  
2006  
a  
v1

ir yang dipilih dari Kursus Asas ahli Kelab Keusahawanan Teknokrat dan Simulasi Perniagaan, KUTKM turut merai Mengancam serta Pertandingan an sewaktu konvensyen tersebut.

Konvensyen Keusahawanan Siswa IPTA dan Karniawan Siswa 2005 adalah inisiatif bagi mengumpul dan menggalakkan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar dalam meningkatkan kefahaman dalam dunia

keusahawanan. Program ini merupakan program tahunan bagi mengumpul kumpulan pelajar khususnya yang terlibat dalam program keusahawanan di IPTA. Seramai 600 orang pelajar dari 18 IPTA dan 20 buah sekolah terpilih serta agensi-agensi dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut menyertai program tersebut. Dalam program ini setiap IPTA turut sama



berpeluang untuk mengadakan jalinan pintar serta berkongsi pengalaman dengan tokoh-tokoh usahawan terdahulu bagi merangka program usahawan yang lebih berdaya saing pada masa akan datang.

PENAUNG

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husain

PENASIHAT

En. Zainudin Ahmad

EDITOR

Cik Junaidah Kasim

PENGARANG

Tn. Hj. Mohamad Bokhari

En. Md. Nor Ali

En. Azhar Mohd Salleh

En. Ishak Amin

En. Ahmad Faizal Abdul Rahman

Cik Norhafizah Md. Yusoh

En. Amir Ali

En. Mohd Nizam Mazlan

PEREKA GRAFIK

Cik Siti Aishah Mat Zain

PEMBACA PRUF

Cik Norhafizah Md. Yusoh

Pn. Mazne Jaaffar

Pn. Zuraidah Mohamed Taib

PUBLISITI & PROMOSI

Pn. Norhayati Mahat

Pn. Sharniza Zainudin

Pn. Siti Fairus Abu Bakar

Penghargaan & Terima Kasih

Unit Grafik, Penerbit Universiti KUTKM

PENERBIT

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan  
Malaysia

Ayer Keroh,

Melaka

Tel : 06-2332435

Fax : 06-2332441



# APA KATA EDITOR?

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat llahi dengan limpah kurnianya, maka dapatlah kita meneruskan kehidupan dan menerbitkan Buletin HEP EDISI Januari - Mac 2006. Mungkin belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2006 kepada warga KUTKM.

yang berlaku di tahun 2005 ini dengan penilaian kecemerlangan pada tuhan yang

LB3602 .B84 2006 v1



87515879

matlamat dan pengisian yang yang maklumat yang diberikan sangat diperkatakan ialah

menerangkan maklumat yang diberikan dalam institusi pendidikan terus

menerangkan umat manusia dalam dalam setiap matlamat dan mahasiswa agar

golongan mereka ini dapat mencapai tahap kualiti yang membanggakan.

Jelas bahawa pucuk pimpinan kita sendiri berharap agar generasi muda bukan sahaja dilahirkan dengan ilmu pendidikan yang tinggi malah mempunyai ciri-ciri kepimpinan, jati diri dan sahsiah yang baik serta mampu menjadi produk yang bernilai dan seterusnya dapat membina Negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir sekali, marilah kita bersama-sama mendokong dan menjayakan segala apa yang telah dirancang dalam tahun 2006 dan ingatlah kecantikan itu lahir dari hati nurani yang bersih suci, hindarkanlah dari hasad dendki dan jejak tangga kejayaan. Semoga anda adalah orang-orang yang berjaya. Insya Allah.

- Junaidah Kasim -

## ISI KANDUNGAN

KUTKM Muncul Juara Pertandingan Debat Lembaga Lebuhraya Malaysia.....	[m/s 1]
Konvensyen Keusahawanan Siswa IPT & Karniawan Nasional 2005.....	[m/s 1]
Seminar Kenegaraan BTN KUTKM 2006.....	[m/s 3]
Bengkel "Strategic Planning" 2005/2006.....	[m/s 3]
Baktisiswa KUTKM Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.....	[m/s 4]
Kursus Asas Keusahawanan Siswa Untuk Bakal Graduan.....	[m/s 4]
Kem Jati Diri : Kembali Bagi Siri Yang Lebih Mencabar.....	[m/s 5]
Bengkel Kepimpinan MPP KUTKM Sesi 2005/2006.....	[m/s 5]
Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa (PRS) KUTKM .....	[m/s 8]
Program Sekolah Angkat KUTKM.....	[m/s 8]
Norziana & Indera Memenangi Anugerah Pengiktirafan MASUM 2005.....	[m/s 8]
Program Ibadah Korban.....	[m/s 9]
Sambutan Maal Hijrah KUTKM 1427H.....	[m/s 9]
Pertandingan Kaligrafi Kesenian Khat Islam, Cina & India.....	[m/s 10]
Perancangan Aktiviti Unit-Unit HEPA Sepanjang Bulan Mac - April 2006.....	[m/s 10]
KUTKM Kuasa Baru Hoki Universiti - Johan Divisyen 2 Liga Hoki MASUM.....	[m/s 11]
KUTKM Johan Bowl Kejohanan Ragbi MASUM 7'S.....	[m/s 11]
TM Forest Towerthon Challenge 2006.....	[m/s 12]
Kejohanan Cyclethon IPT 2006.....	[m/s 12]
Sirkit Olahraga & Sepaktakraw MASUM 05/06.....	[m/s 12]

# SEMINAR KENEGARAAN BTN KUTKM 2006



Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dalam usaha untuk memastikan semangat jati diri bangsa Malaysia agar terus subur dalam jiwa setiap rakyat Malaysia khususnya, tanpa mengira latar belakang dan

Seminar Kenegaraan BTN KUTKM 2006 ini telah berjaya diadakan pada 4 Februari 2006 (Sabtu) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka yang telah dihadiri seramai 1,430 orang pelajar KUTKM. Seminar ini merupakan kerjasama antara Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Biro Tatanegara yang majoriti pesertanya adalah pelajar Tahun 1 dan pelajar bukan Bumiputera Tahun 3 dan 4. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Dr. Adham Bin Baba, selaku Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Dua sesi ceramah Kenegaraan telah diadakan di sepanjang program berkenaan di mana slot ceramah pertama disampaikan oleh Y.Bhg. Tuan Hj. Abdul Wahab Bin Md. Jusoh, Timbalan



Pengarah BTN yang bertajuk yang bertajuk "Kecemerlangan Malaysia Berdasarkan Kesetiaan dan Perpaduan Kaum Yang Utuh". Sementara itu, ceramah kedua pula bertajuk "Warganegara Malaysia Yang Bersepadu Mampu Membawa Malaysia Menghadapi Cabaran

"SEMINAR KENEGARAAN BTN KUTKM 2006" merupakan salah satu langkah yang diambil oleh pihak Unit Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Kolej

Globalisasi" oleh Y.Bhg. Tan Sri Musa Bin Hitam, Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Manakala di sebelah petang pula diadakan Forum Kenegaraan yang bertajuk "Semangat Patriotisme

Menjana Keharmonian Masyarakat Malaysia Yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Shahrin Bin Sahid di mana ahli panel terdiri daripada Y.B. Datuk Hj. Idris Bin Hj. Haron (Ahli Parlimen Tangga Batu), Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah (mewakili BTN Putrajaya) dan juga Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Yahya Bin Ibrahim (Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia).



Antara objektif utama yang ingin diterapkan dalam seminar ini adalah memupuk semangat jati diri bangsa Malaysia yang tulen di kalangan mahasiswa KUTKM khususnya. Secara

tidak langsung dapat menjalin hubungan kerjasama di kalangan mahasiswa KUTKM yang meliputi soal-soal kepimpinan, 'team work', visi dan misi ke arah melahirkan mahasiswa yang patriotik. Sebelum itu, melalui seminar ini pelajar dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan dan juga pemikiran positif ke arah pembangunan negara. Sesungguhnya program seumpama ini juga dapat mewujudkan generasi mahasiswa yang berketrampilan, berwibawa dan berkepimpinan cemerlang dan patriotik. Disamping itu, Universiti dapat melahirkan golongan mahasiswa yang peka terhadap fenomena masyarakat sejagat dalam membentuk generasi yang sihat, harmoni dan sanggup berkorban demi negara tercinta.

## BENGKEL MPP "STRATEGIC PLANNING" 2005/2006

Bengkel MPP "Strategic Planning" sesi 2005/2006 telah diadakan pada 6 hingga 8 Januari 2006 bertempat di Institut Pengurusan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memantapkan Pengurusan MPP KUTKM sesi 2005/2006.

Dengan terlaksananya bengkel ini, setiap aktiviti dan program yang akan diadakan dapat dirancang dan dijadualkan dalam kalendar MPP 2005/2006. Sehubungan dengan itu, ianya adalah amat baik kerana dapat membantu pelajar bagi menjalankan program dengan lebih teratur dan sistematis dengan aktiviti-aktiviti yang lain.

Dengan adanya penyelarasan ini dapat melatih MPP dan Rakan Exco agar dapat bekerja dalam satu organisasi serta mewujudkan kerjasama yang baik di antara MPP, Rakan Exco, Persatuan dan Kelab KUTKM.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato` Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni KUTKM. Sasaran peserta adalah semua Barisan Kepimpinan MPP KUTKM dan rakan-rakan Exco MPP KUTKM di mana jumlah peserta adalah seramai 75 orang. Program ini telah berlangsung dengan jayanya serta mencapai matlamat yang dikehendaki.



# BAKTISISWA KUTKM di Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Program BAKSIS ini telah diadakan pada 13-17 Februari 2006 dan telah dirasmikan oleh Y.B Tuan Roslan bin Yusof, ADUN Johol pada hari pertama program berkenaan.

Program yang berlangsung selama lima hari ini melibatkan seramai 75 orang pelajar KUTKM. Program ini telah menetapkan beberapa objektif antaranya menanam dan meningkatkan lagi minda muda golongan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan secara tidak langsung dapat

menyumbang bakti kepada masyarakat.

Untuk menjadi seorang pelajar cemerlang, gemilang dan terbilang mereka perlu



melibatkan diri mereka dengan aktiviti kemasyarakatan kerana dengan program-program seperti inilah dapat melahirkan pelajar yang berkepimpinan, mempunyai jati diri yang kukuh serta mampu berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.



Antara pengisian program yang dijalankan adalah ceramah, gotong-royong membersihkan kawasan kampung, sukanaka, persebahan kebudayaan, gotong-royong memasak, eksplorasi kampung dan



tuisyen untuk murid-murid sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini dapat memperkenal dan mempromosi KUTKM sebagai destinasi penuntut ilmu yang unik serta mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan penduduk setempat.



Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Ismail Bin Lasim, ADUN Senaling, merangkap Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat bagi menjayakan program ini.

## KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN SISWA UNTUK BAKAL GRADUAN

Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) buat pertama kalinya telah berjaya diadakan pada 4 - 9 Disember 2005 yang lalu, bertempat di Hotel Straits Meridian, Melaka. Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa mahasiswi KUTKM dalam mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Kursus seumpama ini juga merupakan satu kursus pra-syarat kepada siswazah yang berminat untuk menyertai Skim Usahawan Siswazah, iaitu skim tajaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menyediakan tabung pinjaman perniagaan kepada siswazah IPTA yang berminat untuk menjadi usahawan sepenuh masa.



Kursus ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato', Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Kehadiran peserta yang menghadiri kursus ini begitu memberangsangkan. Seramai 56 peserta yang majoritinya terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir yang akan menamatkan pengajian mereka di KUTKM menyertai program ini. Mereka telah mengikuti kursus ini selama 6 hari dengan jayanya dan penuh semangat keusahawanan yang berkobar-kobar. Semangat ingin mempelajari dan mengetahui kunci rahsia faktor kejayaan dalam menjadi seorang usahawan yang berjaya menarik perhatian peserta untuk terus mengikuti kursus ini tanpa rasa jemu.



Sambutan terhadap kursus ini amat menggalakkan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah pun merancang dan merangka pelan strategik untuk menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) ini pada semester yang akan datang. Semoga dengan adanya kursus seumpama ini akan dapat melahirkan mahasiswa mahasiswi KUTKM yang kompeten dan berwawasan dalam menjadi seorang usahawan yang berjaya dan berdaya saing dalam era globalisasi ini.

## KEM JATI DIRI : Kembali Bagi Siri Yang Lebih Mencabar

Bersempena tahun baru (musim baru), Kem Pertahanan Jati Diri dan Pembangunan Sahsiah kini kembali dengan wajah baru yang lebih ceria, lebih bertenaga dan sentiasa bersedia menyumbangkan yang terbaik buat siri kali ini. Berbekalkan pengalaman yang ditimba dalam siri 2005, dimantapkan lagi dengan semangat dan iltizam sedia ada, urusetia yang sebahagiannya peserta siri kem jatidiri yang lepas telah berjaya mengharungi cabaran dan karenah dalam menjadikan Kem Pemantapan Jatidiri dan Pembangunan Sahsiah Siri 1/2006 satu kenyataan.



Pada 27-29 Januari lalu, siri pertama telah pun dilaksanakan di Hutan Rekreasi Kuala Woh, Tapah, Perak. Seramai 95 orang pelajar siswa dan siswi dikenai oleh Sdr. Mohamad Azril bin Mohamad Noor selaku Exco Latihan & Kepimpinan MPP yang juga bekas peserta kem bagi siri 2005, berjaya dihimpunkan dan berkhemah bersama sepanjang perjalanan program. Tahun 2006 menyaksikan penambahbaikan dalam modul latihan di mana program kali ini dimuatkan dengan slot khas 'pengucapan awam' dan 'kupasan isu' bagi melihat, menguji dan menilai tahap pemikiran serta ketrampilan peserta dalam mengutarakan hujah dan mengolah idea berdasarkan topik yang berbeza. Apa yang pasti, pengisian ini mampu mewujudkan suasana agresif dan responsif di kalangan peserta itu sendiri. Menurut En. Mohd Nizam Mazlan yang juga penasihat program ini, memang menjadi hasrat dan matlamat Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni memastikan 'input' terbaik dalam melahirkan pelapis dan bakal



pemimpin pelajar khususnya bagi meneraju organisasi MPP yang akan datang.

Dengan kehadiran Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, selaku Dekan HEPA bagi merasmikan program ala BTN selama

3 hari 2 malam ini sudah cukup membuktikan keprihatinan dan komitmen beliau terhadap sebarang aktiviti pembangunan pelajar. Dalam ucapannya, beliau menegaskan betapa perlunya siswa dan siswi bergiat aktif melalui kelab/persatuan pelajar sebagai nilai tambah seseorang graduan itu selain melahirkan graduan yang berkualiti tinggi. Beliau turut mengharapkan agar melalui program ini akan dapat melahirkan pemimpin pelajar yang berfikiran kritis, matang dan lebih terbuka



selain memberi ruang dan peluang kepada pelajar menimba pengalaman hidup berdikari dalam suasana yang kurang selesa dan 'adventure'.

## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### BENGKEL KEPIMPINAN MPP KUTKM SESI 2005/2006



Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni KUTKM dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar KUTKM telah menganjurkan Bengkel Kepimpinan MPP KUTKM Sesi 2005/2006 pada 30 Disember 2005 sehingga 2 Januari 2006 bertempat di Asli Lodge, Sungai Ruil, Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni KUTKM.



Program ini disertai oleh 22 orang pelajar yang merupakan Barisan Kepimpinan MPP.

Program ini merupakan susulan daripada perlantikan

watikah kepada MPP sesi 2005/2006. Objektif utama program ialah untuk menghasilkan pemimpin yang berketrampilan, serba boleh serta bersahsiah tinggi. Antara lain, objektif program ini ialah untuk melatih pemimpin mahasiswa bagi mengendali dan menguruskan aktiviti-aktiviti persatuan secara berkesan dan profesional serta dapat mewujudkan hubungan kerjasama yang baik di antara MPP, Persatuan dan Kelab KUTKM. Sekiranya amalan ini dipraktikkan hasilnya ialah peserta dapat berkomunikasi dengan baik dan berkesan dalam memimpin sesebuah organisasi.

# GALE



# RI HEPA



# KURSUS ASAS PEMBIMBING RAKAN SISWA (PRS) KUTKM

Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa (PRS) KUTKM telah diadakan pada 23 hingga 25 November 2005 di Tebing Tinggi, Segamat. Ianya bertujuan untuk melengkapkan lagi ahli-ahli baru dengan pelbagai ilmu dan kemahiran fasilitator. Secara tidak langsung akan memantapkan lagi persediaan kepada mereka agar lebih matang dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah dari segi pembelajaran, emosi, kewangan dan sebagainya. Penerapan kemahiran asas atau 'soft skill' seperti kemahiran komunikasi, kemahiran dari segi melayan dan sebagainya akan menjadikan ahli-ahli PRS lebih yakin terhadap diri sendiri.

Hasil daripada program ini, pihak urusetia berharap Kelab PRS dapat membantu pelajar-pelajar KUTKM (Rakan Siswa) yang mengalami

permasalahan dari segi emosi, akademik dan juga masalah peribadi. Selaras dengan objektif utama Kelab PRS, kelab ini berperanan untuk membantu rakan-rakan siswa KUTKM yang menghadapi masalah terlebih dahulu sebelum pelajar yang bermasalah ini dirujuk atau dikemukakan kepada kaunselor KUTKM untuk diberi sesi kaunseling individu atau kaunseling secara kelompok profesional.

Melalui kursus ini, pendedahan teknik-teknik asas PRS juga dapat dimantapkan lagi dalam konteks kemahiran berkomunikasi, mendengar, melayan yang paling utama untuk diketahui dan diamalkan oleh ahli-ahli PRS

## PROGRAM SEKOLAH ANGKAT KUTKM



Sekolah yang telah menjadi pilihan untuk menjadi sekolah anak angkat kepada KUTKM adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Mas, Melaka dan Sekolah Kebangsaan Alai, Alai, Melaka.

Program Sekolah Angkat KUTKM ini dilaksanakan bagi membentuk kerjasama erat di antara pihak KUTKM dan sekolah-sekolah angkat dalam pelbagai bidang seperti teknologi maklumat, akademik, dan motivasi.

## NORZIANA & INDERA MEMENANGI ANUGERAH PENGIKTIRAFAN MASUM 2005

Pada 4 Mac 2006 yang lalu telah berlangsung satu Majlis Anugerah Sukan MASUM 2005 di Hotel Equatorial Pulau Pinang. Majlis ini diadakan oleh MASUM bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf jasa-jasa atlit universiti yang cemerlang dalam pencapaian sukan mereka sepanjang tahun 2005.

Dalam majlis ini 2 orang atlit KUTKM telah berjaya menerima pengiktirafan dan penganugerahan dari MASUM iaitu Norziana bt Abidin dan Mohd Indera Sharil bin Mohd Yunos.



Norziana menerima Anugerah "Pasukan Wanita Terbaik MASUM 2005 (Pasukan Hoki Wanita)" dimana beliau juga adalah salah seorang atlit hoki wanita MASUM. Beliau merupakan atlit KUTKM yang mewakili MASUM di Kejohanan SIPMA di Negeri Sembilan dimana pasukan hoki wanita MASUM telah memenangi pingat emas di kejohanan tersebut. Norziana juga merupakan satu-satunya atlit dari KUTKM dalam pasukan hoki MASUM manakala selebihnya ialah atlit dari UPM dan UiTM. Norziana turut mewakili Pasukan Hoki Wanita MASUM di Kejohanan Sukan Arafura 2005 di Australia.



Program ini dilaksanakan pada setiap hujung minggu iaitu hari Sabtu, pelajar-pelajar KUTKM yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) akan ke sekolah-sekolah angkat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk ilmiah, kemahiran dan motivasi. Antara aktiviti-aktiviti ilmiah, kemahiran dan motivasi yang dijalankan menerusi program ini adalah seperti pengajaran asas Kemahiran Komputer (ICT) seperti pengetahuan asas tentang 'words', 'excel', 'power point', 'animation' dan sebagainya. Program seumpama ini juga dapat memberikan motivasi kepada pelajar yang akan menduduki UPSR, PMR dan SPM dari masa ke semasa. Fasilitator akan memberikan pengkhususan kepada pengajaran subjek yang berdasarkan matematik, sains dan juga Bahasa Inggeris.

Atlit yang kedua ialah Mohd Indera Sharil bin Mohd Yunos iaitu atlit hoki dan silat olahraga KUTKM. Beliau telah terpilih sebagai Calon Olahragawan Harapan MASUM 2005. Indera adalah salah seorang dari 3 orang calon akhir Olahragawan Harapan MASUM 2005. Pemilihan Indera sebagai 3 calon akhir merupakan satu kebanggaan dan pengiktirafan kepada atlit tersebut dan KUTKM. Beliau merupakan atlit hoki dan silat olahraga yang mewakili KUTKM dan Negeri Johor. Walaubagaimanapun beliau tidak hadir pada majlis tersebut kerana pada petang tersebut beliau membantu KUTKM dalam perlawanan akhir kumpulan Liga Hoki MASUM 05/06 dan berjaya menewaskan pasukan dari Universiti Malaya 2-0 dan seterusnya menjadi Johan Divisyen 2 Liga Hoki MASUM 05/06.

Norziana dan Indera amat berbangga terhadap pengiktirafan ini dan berjanji akan memberi sumbangan terbaik kepada KUTKM dalam bidang sukan yang mereka ceburi. Mereka juga mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada Y. Bhg. Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain, staf Unit Sukan & Rekreasi HEPA dan seluruh warga KUTKM di atas sokongan penuh terhadap karier sukan mereka di KUTKM.

# PROGRAM IBADAH KORBAN

Tirai 2006 telah dimulai dengan Program Ibadah Korban Secara Berkelompok, sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha pada 10 Januari 2006 bersamaan dengan 10 Zulhijjah 1427H.

Program yang dianjurkan sekali lagi oleh Unit Kerohanian HEPA dengan kerjasama BAKUTKM, Jawatankuasa Surau Kampung Taman Bunga Raya dan Exco Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2005/2006 telah dilaksanakan dengan jayanya.



Tercatat sejarahnya yang tersendiri, apabila 7 ekor lembu telah dikorbankan iaitu seekor lembu daripada Y.Bhg. Datuk Rektor KUTKM, 3 ekor daripada staf KUTKM dan selebihnya daripada penduduk kampung berkenaan.

Melihat daripada kesungguhan lebih daripada 60 orang yang terdiri daripada pelajar, staf HEP dan penduduk kampung daripada pagi hingga ke petang membayaangkan



kerjasama di kalangan mereka.

Pada sebelah malam pula, aktiviti bacaan Yaasin dan Tahlil diadakan dan dihadiri oleh tetamu jemputan, penduduk kampung serta lebih 300 orang



pelajar. Majlis diakhiri dengan jamuan makan malam. Akhir sekali urusetia mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan, semoga segala penat lelah ini diberkati Allah Subhanahu Wataala.

## SAMBUTAN MAAL HIJRAH KUTKM 1427H



Maal Hijrah merupakan tahun baru Islam. Umat Islam perlu didedahkan dengan semangat kelslamatan untuk memupuk roh Maal Hijrah kepada generasi muda Islam supaya berkurban



Majlis diserikan lagi dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tn. Hj. Othman bin Mat Som, dengan tajuk "*Di Sebalik Kalimah Cinta*". Dalam program ini turut diselitkan acara penyampaian hadiah bagi pemenang pertandingan Kaligrafi Khat Islam, Cina dan India. Majlis diakhiri dengan persembahan oleh Kumpulan Nasyid The One dari Kelab BADAR.

Dengan kehadiran Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail b. Hassan, Rektor KUTKM serta isteri, Y.Bhg. Prof. Dr Abu bin Abdulah, Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan serta isteri, Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Rektor Penyelidikan & Pengkomersilan/Inovasi, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pegawai-Pegawai Kanan KUTKM memperlihatkan sokongan padu bagi memartabatkan lagi syiar Islam. Ribuan terima kasih diucapkan.

untuk berpindah daripada bentuk negatif yang ada dalam diri mereka kepada bentuk-bentuk yang positif yang selaras dengan Islam.

Maka dengan itu, seharusnya kita memperkembangkan dan melaksanakan nilai-nilai kerohanian ini melalui dengan pendekatan dakwah secara hikmah dan menerapkan nilai-nilai universal Islam yang unggul bagi melahirkan insan yang mempunyai tanggungjawab sebagai Khalifah Allah SWT yang benar-benar jitu dan unggul.

Sehubungan dengan itu, Unit Kerohanian dan Exco Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2005/2006 mengadakan program Sambutan Maal Hijrah pada 8 Mac 2006 bertempat di Dewan Juke Box, jam 9.00 malam. Tentatif program dimulai dengan bacaan doa dan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Saudara Mohd Syahrawardillah bin Mad Zin.

# PERTANDINGAN KALIGRAFI KESENIAN KHAT ISLAM, CINA & INDIA

Pertandingan kaligrafi seni khat Islam Cina dan India telah berlangsung pada 5 Februari 2006 dengan tema "Seni Lambang Kebudayaan". Program ini bertujuan untuk mengimarahkan lagi sambutan Maal Hijrah 1427H. Sambutan yang diterima amat mengalakkannya walaupun ganjaran yang diperolehi adalah sedikit, tetapi itu bukanlah ukuran kerana minat dan keprihatinan mereka terhadap kesenian budaya melebihi segala-galanya dan bukannya wang yang menjadi ukuran.

Objektif pertandingan ini adalah untuk mewujudkan perpaduan antara kaum di samping mengeratkan lagi silaturahim antara peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum. Seramai 40 orang peserta yang



terdiri daripada pelajar Melayu seramai 14 orang bagi kategori Kaligrafi Melayu, Kaligrafi Cina seramai 19 orang peserta dan selebihnya adalah peserta bagi kategori Kaligrafi India. Apa yang lebih menarik ialah kunjungan daripada MPP UPSI ke ruang pertandingan dijalankan meninggalkan kenangan manis kepada peserta dan pengunjung.

Pemenang tempat pertama bagi Kaligrafi Seni Khat Islam dimenangi oleh Norazli Borhan, seterusnya diikuti oleh Muhd. Firdous Ismail dan Abd. Majid Bachuk. Manakala Kaligrafi Khat Cina pula, tempat pertama dimenangi Chai Siang Yan, tempat kedua Wong Hon Loon dan ketiga Chua Yee Ling. Bagi Kaligrafi Khat India, tempat pertama dimenangi oleh Sathya a/p Manoharan, kedua Chitra a/p Ramasamy dan tempat ketiga Sugumari a/p Saranga Pani.

## PERANCANGAN AKTIVITI UNIT-UNIT HEPA SEPANJANG BULAN MAC - APRIL 2006

UNIT	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
UNIT PERHUBUNGAN & AKTIVITI PELAJAR	Kursus Protokol & Etiket Sosial MPP	02-Mei	Ancasa Hotel, MITC
	Program PEMADAM	6 - 8 Mei	Melaka
	Perkhemahan Perdana Mahasiswa KUTKM	8 - 11 Mei	Melaka
	Bakti Siswa Siri 2	15 - 19 Mei	Kelantan
	Bakti Siswa Siri 3	5 - 9 Jun	Perak
	Program Rakan Muda	28 - 30 Jun	Sg. Buaya, Selangor
UNIT KEUSAHAWANAN	Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) Modul 1 Thn 1 & 2	Akhir Bulan Mei	Bangunan Akademik KUTKM
UNIT ALUMNI	Majlis Pelancaran Alumni & Makan Malam Sireh Pulang Ke Gagang	Julai 2006	City Bayview Hotel
	Lawatan Ke Rumah Alumni & Unit Pengurusan Alumni UTM Skudai	Julai 2006	UTM Skudai
	Pameran Pendidikan & Kerjaya Melaka 2006	Nov-06	Mahkota Parade
UNIT SUKAN & REKREASI	Latihan Pasukan Bola Tampar (L/W) KUTKM	Sepanjang April	
	Latihan Pasukan Bola Sepak KUTKM	Sepanjang April	
	Latihan Pasukan Bola Jaring KUTKM	Sepanjang April	

08 MAY 2006

## KUTKM KUASA BARU HOKI UNIVERSITI

Pasukan Hoki "Blue Leopards" KUTKM sekali lagi menjadi 'duri dalam daging' kepada Universiti Malaya apabila menewaskan mereka dalam perlawanan akhir Liga Hoki MASUM 2005/2006 dengan jaringan 2-0 dan seterusnya menjadi **Johan Divisyen 2 Liga Hoki MASUM 2005/2006** di Stadium Hoki Bukit Serindit, Melaka pada 4 Mac 2006 yang lalu. Kejayaan ini juga melayakkan pasukan hoki KUTKM untuk bersaing di Divisyen 1 pada musim depan dan merupakan satu-satunya pasukan bertaraf Kolej Universiti yang akan bersaing di Divisyen 1 nanti.

Kejayaan pasukan hoki KUTKM telah membuktikan tanggapan salah bahawa pasukan dari Kolej Universiti bukanlah sebuah pasukan kelas dua seperti yang digambarkan sebelum ini. Kejayaan pasukan hoki KUTKM menewaskan pasukan dari UKM & UM yang dianggap sebagai "favourite" bagi menuju kejohanan ini telah membuka mata semua pihak tentang kemampuan pasukan hoki KUTKM. Dengan berbekalkan 4 kemenangan, 1 seri dan 1 kalah, KUTKM telah menjadi Johan di dalam kejohanan ini.

Kejayaan ini adalah hasil dari perancangan rapi Unit Sukan & Rekreasi, HEPA dalam program pembangunan sukan hoki di KUTKM. "Sukan hoki adalah salah satu sukan pilihan yang akan dibangunkan secara menyeluruh bagi mengharumkan nama KUTKM di persada sukan universiti" ujar En. Ishak Amin, Pegawai Sukan KUTKM. Komitmen 100% pelajar yang diberikan semasa menjalani latihan dan kejohanan telah menghasilkan satu pasukan yang mantap dalam kejohanan ini. Akur dengan strategi yang diaturkan oleh jurulatih telah membantu mencipta kejayaan pasukan ini. Ianya boleh dilihat dengan semangat berpasukan yang tinggi dan cintakan KUTKM dengan menyanyikan lagu "KUTKM Gemilang" pada sebelum setiap perlawanan bermula dan sepanjang latihan pusat diadakan.

## KUTKM JOHAN BOWL KEJOHANAN RAGBI MASUM 7'S



Pasukan Rugby KUTKM 'KROONS' mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menjadi Johan Bowl pada Kejohanan Ragbi MASUM 7's yang

pertama berlangsung di UKM pada 17 - 19 Feb 2006 yang lalu. Kejayaan ini juga merupakan kejayaan pertama pasukan sukan pelajar KUTKM sepanjang penglibatan dalam program sukan anjuran MASUM. KUTKM diletakkan dalam kumpulan 'maut' pada kejohanan ini iaitu kumpulan G. Pada peringkat Bowl, KUTKM telah membelas UUM dengan keputusan 22 - 5. Peringkat separuh akhir menemukan KUTKM dengan UMS dengan kemenangan berpihak kepada KUTKM 12 - 0.

## JOHAN DIVISYEN 2 LIGA HOKI MASUM



Kejayaan ini juga adalah hasil sokongan penuh dari Y.Bhg. Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Dato' Prof. Dr. Md Nor bin Husain dalam pembangunan program sukan di KUTKM. Beliau amat berbangga dengan kejayaan ini dan mengharapkan semua pasukan lain agar mencontohi kejayaan ini dan mengharumkan nama KUTKM di kejohanan-kejohanan yang disertai.

Kejayaan ini adalah hadiah dari pasukan hoki KUTKM "Blue Leopards" kepada seluruh warga KUTKM terutamanya Y.Bhg. Dekan HEPA dan Unit Sukan & Rekreasi HEPA di atas sokongan yang tidak berbelah bagi sepanjang kejohanan berlangsung. Semoga pasukan ini akan terus memberikan persembahan yang terbaik pada musim depan. Sekali lagi "TAHNIAH" dari seluruh warga KUTKM di atas kejayaan ini.

## JOHAN BOWL KEJOHANAN RAGBI MASUM 7'S

Pada perlawanan akhir bowl menemukan kembali KUTKM dengan UM di mana KUTKM telah berjaya membalaas dendam kekalahan di peringkat kumpulan apabila menewaskan UM 22-19 dalam satu perlawanan yang cukup sengit.



dibimbang oleh En. Juan Rizal ini akan berjaya agi dalam kejohanan akan datang," ujar En. Ishak Amin, Pegawai Sukan KUTKM. Y.Bhg. Dekan HEPA, Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husain juga amat berbangga dengan pencapaian cemerlang KUTKM dalam kejohanan ini.



"Kejayaan ini amat membanggakan seluruh warga KUTKM kerana iamenunjukkan pasukan ragbi KUTKM telah menjadi salah sebuah pasukan yang digeruni di persada sukan universiti. Semoga pasukan yang

## TM FOREST TOWERTHON CHALLENGE 2006

Menara Kuala Lumpur telah menganjurkan acara TM Forest Towerthon Challenge 2006 yang berlangsung di Menara Kuala Lumpur pada 19 Februari 2006 yang lalu. KUTKM telah menghantar 4 orang pelari bagi kejohanan ini (3 orang lelaki dan 1 orang wanita). Atlit - atlit KUTKM telah menjalani latihan pusat selama seminggu sebelum menghadapi kejohanan ini.

Dalam pertandingan ini, setiap atlit dikehendaki berlari sejauh 1 km mendaki bukit ke Menara KL dan seterusnya mendaki 2,158 anak tangga untuk menghabiskan larian. Atlit lelaki dan wanita telah menyertai kategori


terbuka lelaki dan wanita. Acara yang bermula pada jam 7.00 pagi dengan seramai 570 orang peserta lelaki dipecahkan kepada 3 pelepasan. Atlit KUTKM telah berjaya menempatkan diri dalam kelompok Top 30 dari 170 orang pelari dalam kumpulan 3. Pencapaian ini amat membanggakan memandangkan ini merupakan penyertaan pertama pertandingan ini.

Bagi kategori wanita, atlit wanita KUTKM berjaya menempatkan diri dalam kelompok 20 pelari terbaik. Antara pelari ternama yang menyertai acara ini ialah Yuan Yu Fang yang menjuarai kategori wanita terbuka.

## KEJOHANAN CYCLETHON IPT 2006

Buat pertama kalinya Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah menyertai Kejohanan Cyclethon IPT 2006 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia pada 22 Januari 2006. Kejohanan ini dianjurkan oleh Akademi Sukan UPM dengan kerjasama Proton Edar Sdn. Bhd.

Sebanyak 10 pasukan yang bertanding dalam kejohanan ini. UPM selaku tuan rumah telah menghantar 7 pasukan iaitu 70 peserta manakala 2 pasukan dari KUTKM dan 1 pasukan lagi dari UiTM. Setiap pasukan yang terdiri daripada lima peserta lelaki dan lima peserta wanita turut menyaksikan laluan para peserta adalah berbeza. Bagi peserta lelaki mereka perlu menghabiskan tiga pusingan perlumbaan membabitkan laluan sepanjang 39 kilometer manakala wanita pula sebanyak dua pusingan sejauh 26 kilometer.



Kejohanan yang bermula seawal 7 pagi itu menyaksikan para peserta dilepaskan di hadapan pintu masuk UPM berhampiran terowong Lebuh Silikon. Peserta terpaksa melalui kawasan Tenusu, Jalan Lebuh Silikon, Bukit Ekspo, Padang Golf, Ladang Kelapa Sawit, Ladang Kelapa dan Stadium UPM. Dalam usaha memastikan keselamatan setiap peserta kejohanan, pihak UPM telah mengambil khidmat nasihat daripada pelumba profesional malah laluan kejohanan tersebut turut diakui oleh Persatuan Pelumba Basikal Malaysia.

Walaupun masih baru dalam basikal lasak, namun Pasukan KUTKM tetap meneruskan cabaran dan turut mengutamakan semangat berpasukan untuk memenangi Kejohanan Cyclethon IPT 2006. Pada kejohanan ini, UPM telah muncul juara dan merangkul 10 basikal Proton T - Bikes model T - Bolt yang bernilai RM 2700 setiap satu, tempat kedua pula diraih oleh UiTM yang membawa pulang 10 basikal Proton T - Bikes model T - Blaze yang bernilai RM 1700 setiap satu dan ketiga pasukan daripada KUTKM dengan hadiah 10 buah(RM 9500.00) basikal Proton T - Bikes model T - Blaze AL3+ yang bernilai RM 950 setiap satu.

## SIRKIT I - OLAHRAGA & SEPAKTAKRAW MASUM 05/06

Pada 3 - 5 Februari 2006 yang lalu KUTKM telah menyertai Sirkit 1 MASUM (Olahraga/Skuasy dan Sepaktakraw) yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia. Pada sirkit kali ini, KUTKM telah menghantar 1 regu bagi acara sepaktakraw dan 3 orang atlit bagi acara olahraga (800m & 1500m).

Bagi acara sepaktakraw, KUTKM diletakkan dalam Kumpulan B bersama-sama dengan UUM, KUSTEM dan KUKTEM. KUTKM telah tewas dalam perlawanan dengan UUM dan KUSTEM. Bagi perlawanan akhir, KUTKM telah berjaya menewaskan KUKTEM. Walaubagaimanapun kemenangan

ini tidak melayakkan KUTKM untuk ke pusingan seterusnya. Kemenangan ini telah meletakkan KUTKM di tempat ketiga kumpulan B.

KUTKM menghantar 3 orang atlit bagi acara olahraga (1500m 1 orang kategori lelaki, 800m 1 orang kategori wanita dan 1 orang kategori lelaki). Semua atlit olahraga adalah atlit yang baru dibentuk dan berjaya menamatkan acara mereka. Walaupun kalah, setiap atlit telah berjaya memperbaiki catatan masa mereka. Diharap mereka akan cuba memperbaiki catatan masa mereka pada sirkit 2 yang akan berlangsung di UPM pada 25 - 26 Februari nanti.